

# Sekolah Wilayah Persekutuan

UM - 7 FEB 2003

KUALA LUMPUR 6 Feb. — Kerajaan mengumumkan 24 dan 25 Februari ini sebagai cuti persekolahan di Wilayah Persekutuan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Pengumuman mengenainya dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad selepas meninjau persiapan menjelang persidangan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, cuti peristiwa selama dua hari itu bagaimanapun akan diganti agar jadual pembelajaran pelajar tidak terjejas.

“Kita beri cuti sekolah bagi Kuala Lumpur sahaja, cuma untuk dua hari kerana pada hari itu ketua-ketua kerajaan negara anggota akan berada di negara ini.

“Cuti itu bagaimanapun akan diganti kerana kita hendak menjaga kepentingan anak-anak terbabit,”

## cuti 24, 25 Februari sempena NAM

katanya ketika ditanya pemberita mengenai kemungkinan kerajaan mengumumkan cuti umum sempena penganjuran persidangan NAM dari 20 hingga 25 Februari ini.

Terdahulu Perdana Menteri melancarkan duit syiling peringatan, setem kenangan dan sampul surat

hari pertama serta buku program kerjasama teknikal Malaysia, juga sempena NAM XIII.

Sementara itu Dr. Mahathir menasihati semua warga kota yang hendak ke pejabat atau perlu menjalankan urusan sepanjang persidangan tersebut supaya merancang perjalanan mereka lebih awal daripada biasa.

“Kita minta semua yang hendak ke pejabat dan kedai supaya pergi lebih awal, sejam awal supaya tidak mengganggu perjalanan ketua-ketua kerajaan dan negara.

“Ini kerana kita terpaksa tutup beberapa jalan supaya mereka boleh bergerak dari hotel penginapan ke PWTC tanpa gangguan,” katanya.